

FILANTROPI : SATU SOROTAN DARI SUDUT HUKUM TAKLIFI

Wan Mohd Yusof Wan Chik¹, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali¹, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman¹, Abdullah Alqari Mohd Zabudin¹

¹ (Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia)

*Penulis koresponden: Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman
smazmi@unisza.edu.my

Abstrak : *Filantropi adalah satu istilah yang agak baharu di kalangan umat Islam. Begitupun dari sudut semangat pengamalan ia bukanlah sesuatu yang baharu, bahkan boleh disinonimkan dengan kedermawanan. Dalam tradisi pengajian fiqh Islam ia biasa diungkap merangkumi perkataan sedekah, waqaf, hadiah, hibah dan lain. Secara amnya ia biasa dikaitkan kepada pemberian yang digalakkan (sunnat) sahaja. Justeru objektif penulisan ini adalah untuk menilai semula kedudukan filantropi dan pengkategorian menurut Islam dari perspektif perbincangan hukum taklifi. Kajian kepustakaan berasaskan kajian kualitatif ini menganalisis serta mensintesis maklumat-maklumat yang diperolehi secara induktif dan deduktif melalui penilaian ilmu Usul Fiqh. Kajian mendapati bahawa meletakkan ruang filantropi menurut Islam sekadar sesuatu yang berstatus sunat adalah tidak tepat. Hakikatnya elemen filantropi merangkumi status hukum wajib dan juga sunat. Hal ini banyak merujuk kepada dominasi aspek ta'abbudi mahupun maslahah. Perbincangan tentang filantropi menurut fiqh Islam juga boleh dikesan melalui pelbagai bab yang dibuat pengkategorian semula. Apatah lagi apabila ia dinilai dari konteks secara mikro dan makro. Hal-hal asas dari perspektif hukum taklifi ini jika difahami mampu menggerakkan dunia filantropi Islam secara holistik dan bersepadu sesuai dengan tuntutan peradaban semasa.*

Kata Kunci: *Filantropi, Hukum Taklifi; Maqasid, Lestari, Syariah*

Abstract: *Philanthropy is a relatively new term among Muslims. But practically it is nothing new, what is more, it has been extensively discussed in Islamic jurisprudence's books under the name of tabarru'at. In the tradition of Islamic jurisprudence studies, it include the terms sadaqah, waqf, gift, and hibah. Generally it is only associated with supplementary contribution. The objective of this paper is to re-evaluate the positioning of philanthropy and its categories according to Islam from hukm taklifi (defining law) perspective. This library research based on qualitative method analyses and synthesised materials collected inductively and deductively through the discipline of Usul Fiqh. This paper finds that placing philanthropy as mere supplementary is inaccurate. In essence, philanthropy encircle both supplementary and obligatory commandments. This is heavily weighted by domination between ta'abbudi and maslahah. Discussions about philanthropy from Islamic jurisprudence can also be traced from various chapters that can be redefined based on current requirement. Even more so when defining it contextually via micro and macro scale. If these basic elements from hukm taklifi (defining law) be properly understood, it can move the gear of Islamic Philanthropic world holistically and properly suited for contemporary civilisation.*

Key Words: *Philanthropy, Defining Law, Maqasid, Islamic Jurisprudence*

Pengenalan

Filantropi adalah salah satu instrumen dalam sistem ekonomi moden. Ia adalah salah satu jalan keluar kepada isu ketidakadilan pengagihan kekayaan sosial yang berlaku akibat daripada dominasi doktrin kapitalisme ke atas sistem ekonomi di peringkat nasional mahupun

global, termasuklah dunia Islam. Sektor ini digunakan oleh pihak korporat, institusi masyarakat mahupun individu dalam menangani pelbagai isu yang melibatkan kemaslahatan umum masyarakat dan alam sekitar. Begitupun pengaruh instrumen ini dalam dunia Islam kelihatan kurang terkehadapan. Antara faktornya—pada hemat penulis— adalah kerana ia tidak diberikan garapan konseptual yang menjiwai atau mendekati ruh perbahasan disiplin fiqh Islam. Dengan kata lain, ia wujud tetapi dengan istilah, konsep, instrumen dan sudut pandang alam yang lain. Tulisan ini akan membuat sorotan ringkas terhadap konsep filantropi moden agar berada dalam ruh perbincangan fiqh tradisi dengan cubaan melakukan penyesuaian dan pengubahsuaian. Justeru tulisan ini lebih bersifat mengemukakan persoalan dari mengetengahkan suatu konsep filantropi yang konsisten dan tersedia dipakai. Hal ini penting demi menegaskan bahawa Fiqh Islam tidak pernah segan untuk mengambil nilai-nilai positif daripada mana-mana peradaban termasuklah peradaban moden.

Perkataan filantropi tidak disebut secara khusus dalam perbahasan fiqh Islam. Dalam konteks Bahasa Melayu ia boleh dikaitkan dengan kedermawanan, amal kebajikan dana amal jariah. Begitupun ia biasa dikaitkan dengan topik-topik fiqh seperti sedekah, khairat, infaq, wasiat, zakat, waqaf dan sebagainya (Islamic Philantropy, 2013). Setiap instrumen dilihat mempunyai definisi dan fungsi tersendiri yang tidak dipisahkan daripada status nilai hukum syarak tertentu. Filantropi moden pula biasa dikaitkan dengan elemen dan semangat kesukarelawan. Dilakukan secara sukarela tanpa sebarang elemen keterpaksaan. Justeru tulisan ini akan cuba merungkai persoalan-persoalan teras dalam konteks filantropi moden dengan menjadikan teori hukum taklifi sebagai garis penyesuaian dan pembezaan. Di samping itu, ia akan menegaskan bahawa instrumen filantropi Islam adalah lebih banyak daripada apa yang biasa disebut.

Untuk menjelaskan perbincangan ini, perbincangan akan melalui sub-sub topik berikut :

- a- Konsep Am Filantropi Moden
- b- Filantropi Menurut Islam
- c- Maqasid Syariah dan Filantropi
- d- Hukum Taklifi dan Filantropi

Konsep Am Filantropi Moden

Perkataan filantropi digunakan dalam bahasa Melayu Malaysia mahupun Indonesia. Ia sering diterjemahkan sebagai kedermawanan. Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) telah mendefinisikannya sebagai kedermawanan dan rasa kasih sayang terhadap manusia.

Perkataan filantropi asalnya merujuk kepada gabungan dua perkataan bahasa Greek *Phil* yang berarti cinta dan antropos yang bermaksud manusia. Secara etimologinya ia bermaksud “cinta kepada kemanusiaan”. Ia kemudiannya dipindahkan kepada bahasa Latin (*philanthropia*) seterusnya kepada bahasa Inggeris *philanthropy* (*merriam-webster*).

Dari sudut istilah, terdapat beberapa penekanan yang dibuat oleh para pengkaji dalam mendefinisikan filantropi. Ilchman (2006) menekankan elemen dorongan rasa kecintaan kepada manusia yang menggerakkan seseorang untuk menderma kepada orang lain. Manakala Klien (2001) lebih menekankan sifat sukarela sebagai ekspresi rasa cinta. McCully (2008) dalam bukunya *Philanthropy Reconsidered* mengumpulkan beberapa takrif filantropi yang diberi oleh cendekiawan moden. John Gardner menekankan bahawa ia adalah suatu inisiatif persendirian untuk kebaikan umum. Payton (1988) pula lebih melihat ia sebagai amalan sukarela demi kebaikan umum. Manakala Bremner (1960) memandang kepada tujuan utama filantropi adalah meningkatkan kualiti hidup. Daripada takrif-takrif ini, beliau menyimpulkan bahawa filantropi membawa maksud inisiatif persendirian sama ada individu, persatuan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) yang dilakukan untuk kebaikan dan kemaslahatan umum yang memfokuskan kepada peningkatan kualiti hidup. Daripada definisi-definisi yang diberikan, kelihatan bahawa skop sumbangan yang diberikan tidak terbatas kepada sumbangan material semata-mata. Begitupun dari segi amalan semasa, sumbangan dalam filantropi adalah berbentuk material. Manakala sumbangan dengan sukarela disebut kesukarelawanan.

Berdasarkan sorotan ringkas terhadap filantropi secara istilah dan penggunaan dalam sistem ekonomi konvensional ada beberapa kata kunci terasas yang perlu difahami. Antaranya: sumbangan, kebendaan, pihak bukan kerajaan, dengan suka rela, atas dasar kasih sesama manusia, untuk kemaslahatan umum dan manfaat jangka panjang. Dengan merujuk kepada perkataan ini, filantropi dapat dibezakan dari cukai dan “*charity*”. Cukai dilihat sebagai satu instrumen yang diwajibkan. Maka ia tiada unsur sukarela. Manakala *charity* dilihat sebagai sesuatu yang sukarela tetapi bersifat segera dan diberikan kepada sesuatu pihak secara khusus. Ia mungkin hampir sama maksud perkataan sedekah atau “*tabarru*” dalam fiqh Islam. Antara instrumen ekonomi konvensional yang boleh disifatkan sebagai asas kepada filantropi adalah endowmen dan ‘CSR’ yang fokusnya adalah kemaslahatan umum, terancang dan bersifat jangka panjang. Justeru filantropi dalam konteks moden secara mudah boleh didefinisikan sebagai sumbangan yang diberikan kepada orang lain atau kemaslahatan umum secara sukarela atas dasar rasa cinta kepada manusia.

Filantropi Menurut Islam

Berbuat kebajikan sesama makhluk adalah sesuatu yang digesa oleh Syariat Islam kerana Ia melibatkan sikap kepedulian dan keadilan sosial sesama manusia (Razali, 2017). Ia diungkapkan dengan pelbagai perkataan dan istilah sama ada dalam al-Quran, Sunnah mahupun sumber-sumber lain. Sebagai contoh al-Quran telah menggunakan perkataan zakat, waqaf, infaq, sadaqah, khairat, ihsan dan lain lain. Sebagai contoh perkataan infaq yang disebut dalam firman Allah S.W.T (al-Baqarah 215):

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: Kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuiNya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).”

Seruan-seruan untuk berbuat kebaikan dan kebaktian menurut Islam tidak dibataskan hanya kepada sesama manusia, bahkan melangkaui semua makhluk sama ada bernyawa atau tidak, berakal tau sebaliknya. Semua itu dianggap tidak terpisah dari tuntutan keagamaan yang menjadi jalan mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah. Lebih jauh lagi, umat Islam dituntut untuk berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan (*al-khayrat*) dengan dijanjikan balasan pahala, keampunan dan keredhaan Allah S.W.T. Justeru berbuat kebaikan kepada sesama makhluk dilihat sebagai langkah yang menepati misi kekhalifahan dan kehambaan secara serentak.

Apa yang lebih menarik, perkataan-perkataan berunsur filantropi yang disebut dalam al-Quran mahupun Sunnah ini telah dikembangkan perbahasannya menjadi instrumen-instrumen fiqh yang mempunyai batasan, tatacara, fungsi dan matlamat yang tersendiri. Perlu dipertegaskan perbahasan dalam kitab-kitab fiqh menekankan kepada instrumen-instrumen filantropi secara berasingan. Hakikatnya – *wallah aklam*- tidak ada suatu peristilahan fiqh yang sinonim seratus peratus dengan filantropi secara konseptual sebagaimana yang diamalkan di barat. Mungkin perkataan yang paling dekat adalah *tabarru'*, sedekah dan *tatawwu'* (Mawsu'ah fiqhiyyah, 2004). Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara:

- a- Filantropi dalam peradaban moden lebih berpusatkan kepada dorongan rasa kemanusiaan. Manakala dalam Islam tertumpu kepada dorongan mencari keredhaan Allah S.W.T.

- b- Filantropi dalam konteks peradaban moden lebih berbentuk sukarela. Apa-apa yang bersifat wajib tidak dianggap filantropi. Manakala dalam Islam, Filantropi tidak dibataskan kepada sifat sukarela kerana derma yang wajib atas alasan ibadah sekalipun tetap memberi faedah kepada manusia. Di samping itu, menurut fiqh Islam, sesuatu yang bersifat sukarela atau sunat sekalipun boleh berubah hukumnya menjadi wajib mengikut keadaan dan keperluan semasa.
- c- Filantropi dalam konteks moden amat menekankan aspek “*public good*” (kemaslahatan umum). Manakala dari sudut Islam aspek “*public good*” tidak dipisahkan daripada ibadah. Ini kerana ibadah sendiri mengandungi elemen kemaslahatan sama ada dapat kesan oleh akal atau tidak. Bahkan dalam konsep perundangan Islam “*public good*” ini sering dikaitkan dengan terminologi “*Haqq Allah*” yang mengungkapkan bahawa sesuatu perkara bukan lagi berada dalam batasan peribadi tetapi sudah melibatkan kepentingan komuniti.
- d- Filantropi dalam konteks peradaban barat amat menekankan elemen kelestarian sumbangan, terancang dan profesionalis memastikan terhadap golongan yang memerlukan mendapat sumbangan secara berterusan. Manakala filantropi dalam peradaban Islam secara am tidak menzahirkan penekanan kepada elemen kelestarian, berperancangan dan professional kecuali instrumen waqaf.
- e- Filantropi dalam konteks peradaban modern adalah lebih fokus kepada membangunkan aspek keadilan sosial dalam tempoh jangka panjang sebagaimana waqaf. Manakala lain-lain instrument amal kebajikan Islam adalah lebih terarah kepada bantuan terhadap keperluan-keperluan mendesak sebagaimana sedekah.

Maqasid Syarak Dan Filantropi

Perkataan maqasid dalam bahasa Arab adalah kata jamak kepada perkataan *maqsad*. Ia diambil dari punca kata *al-qasd*. Maksud asalnya ialah sandaran dan induk (*al-Zubaydi*, 1971) Namun dari segi penggunaannya, ia lebih merujuk kepada perkataan matlamat dan tujuan.

Para ulama mutakhir telah cuba membuat definisi terhadap Maqasid. Al-Sheikh Ibn ^cĀshūr (1978) misalnya mendefinisikannya matlamat-matlamat umum syarak sebagai pengertian-pengertian dan hikmah-hikmah tertentu yang diambil kira oleh al-Shāri^c (Allah) dalam keseluruhan atau sebahagian besar aspek perundangan syarak. Manakala al-Ustāz ^cAllāl al-Fāsi (t.th) mendefinisikannya sebagai matlamat-matlamat dan rahsia-rahsia yang ditentukan oleh *al-Shāri^c* di sebalik penetapan hukum-hakamnya.

Para ulama sering menghubungkan definisi Maqasid ini dengan intipati kepada matlamat-matlamat syarak yang disebut sebagai *al-maslahat* (masalah). Sebagai contohnya Imam al-Ghazali (t.th) mendefinisikan maksud masalah ialah bagaimana mendatangkan manfaat dan mencegah kemudharatan. Perihal manfaat dan mudarat bukanlah dirujuk pada kehendak makhluk, bahkan dirujuk kepada kehendak-kehendak syarak. Ia terhimpun pada lima perkara asas iaitu memelihara agama, jiwa akal, keturunan dan harta. Pernyataan yang hampir serupa juga dinyatakan oleh Ibn Qayyim (1955).

Matlamat-matlamat syarak sering dikaitkan dengan masalah, sama ada bersifat duniawi mahupun ukhrawi. Masalah ini terhasil sama ada dengan mendatangkan manfaat mahupun mencegah kemudharatan (al-Ghazali, t.th). Masalah ini perlu diberi perhatian demi memenuhi tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi (Shalabi, 1974).

Dalam konteks sistem ekonomi dan kewangan Islam, filantropi mungkin boleh dikategorikan sebagai satu konsep am yang mengandungi pelbagai instrumen di bawahnya. Setiap instrumen mempunyai tatacara dan fungsi tersendiri. Sejajar dengan sudut pandang hidup Islam yang tidak meletakkan harta sebagai matlamat tetapi adalah alat memakmurkan kehidupan, konsep pengagihan kemakmuran ekonomi secara baik hati sebagaimana filantropi adalah dituntut. Apatah lagi jika diurus secara berperancangan dengan mengambil kira kemaslahatan jangka panjang. Filantropi tidak syak lagi adalah satu wacana khas yang membolehkan seseorang atau sesebuah institusi memberikan sumbangan untuk memakmurkan komuniti dari sudut agama, nyawa, akal, keturunan serta kelestarian alam.

Sistem Ekonomi Islam terdiri dari himpunan prinsip umum ekonomi dan instrumen-instrumen kewangan yang tidak bercanggah dengan dari al-Quran dan Sunnah dan sewajarnya bergerak merealisasikan kemaslahatan yang menjadi objektif syarak. Secara asasnya Islam menyuruh penganutnya bekerja di pelbagai lapangan untuk memakmurkan alam. Begitupun akan ada mereka yang lebih bijak, bernasib baik serta beruntung dalam mendapatkan kekayaan. Si kaya tidak perlu mendabik dada atas keberhasilannya sebagaimana diungkap oleh Qarun firman Allah (SWT) :

"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ". (al-Qasas :77)

Kekayaan hakikatnya adalah pemberian Allah kepada manusia. Walaupun manusia mampu memiliki sebanyaknya, tetapi mereka tak mampu menikmati segalanya. Justeru mereka digesa berbuat baik kepada sesama makhluk sebagaimana Allah yang Maha Kaya berbuat baik kepadanya. Prinsip ekonomi Islam memfokuskan nilai akhlak Islam seperti persaudaraan, kejujuran, keadilan, ihsan (berbuat kebaikan), sifat kasih sayang dan melebihi orang lain dari diri sendiri dan sebagainya yang telah ditegaskan dalam al-Quran dan Sunnah (Ghassan Mahmud Ibrahim 2002). Nilai-nilai murni inilah yang mendasari kegiatan filantropi. Dalam masa yang sama filantropi adalah satu upaya mengelakkan situasi kekayaan hanya berlegar di kalangan si kaya sahaja sebagaimana firman Allah SWT :

Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah dan bagi kaum kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. (Al-Hashr : 07)

Dalam kerangka ilmu Maqasid Shariah, perbuatan manusia amnya dibahagikan kepada dua jenis. Pertama : Ibadah, iaitu hal yang berkait hubungan manusia secara khusus dengan Maha Pencipta. Kedua: Adat, iaitu hal yang berkait hubungan manusia dengan kehidupannya sesama makhluk. Pembahagian ini tidak bermakna perbuatan dalam kategori ibadah tidak mengandungi kemaslahatan atau perbuatan dalam kategori adat tidak dikira ibadah. Secara prinsipnya Syariat Islam menegaskan bahawa kemaslahatan dan ibadah bukanlah dua perkara yang terpisah. Begitu juga rutin perbuatan manusia (adat) dan keredhaan Allah bukanlah dua perkara yang bercanggah selagi mana ia dilakukan dengan niat yang betul, tidak bercanggah dengan kehendak syarak serta tidak menatijahkan kemudaratan pada kebiasaannya. Justeru perlu disedari bahawa instrumen filantropi daripada kaca mata Islam boleh berada dalam kedua-dua kategori. Sebagai contoh : Zakat, dam, dan kaffarah adalah dalam kategori filantropi yang bersifat ibadah. Manakala waqaf dan sedekah adalah filantropi yang tidak wajib.

Penkategorian tindakan manusia kepada ibadat dan adat hakikatnya melibatkan satu konsep yang lebih mendalam dalam kerangka perbicaraan ilmu Usul Fiqh dan Maqasid Shariah, iaitu konsep *ta'lim al-ahkam* yang membahagikan status hukum syarak kepada *taabbud* dan *maslahah* (kemaslahatan). Sekiranya kehendak Syarak (*iradat al-Syari'*) dikira lebih dominan, Maka hukum-hakamnya adalah lebih rigid. Tertakluk pada tatacara yang pada asasnya sukar ditetapkan. Justeru dari sudut ini amal kebajikan yang wajib atau sumbangan

yang diwajibkan maka diletakkan bahawa elemen taabbud adalah lebih dominan. Manakala jika sumbangan yang bersifat sukarela atau sunat, maka kehendak manusia (*iradat al-mukallaḥ*) dikira lebih dominan. Maka ia lebih fleksibel. Impaknya penyumbang lebih bebas dalam menentukan pihak penerima dan kadar sumbangan.

Daripada premis di atas, beberapa pemerhatian yang perlu diperhalusi ketika membincangkan filantropi menurut kerangka maqasid :

- a- Filantropi adalah sesuatu yang mulia menurut sistem ekonomi moden dan juga Islam kerana berfokuskan kemaslahatan.
- b- Elemen penggerak dalaman (*Al-Qasd*) atau matlamat dalam filantropi menurut moden dan Islam adalah berbeza. Filantropi moden adalah berasaskan rasa cinta sayang kemanusiaan. Manakala Filantropi Islam pada asasnya digerakkan atas dasar menghambakan diri kepada pencipta. Kemanusiaan tidak dinafikan satu elemen penting dalam filantropi Islam tetapi ia bukan matlamat terakhir.
- c- Filantropi moden dan Islam unik kerana ia dibuat tanpa mengharap sebarang ganjaran kebendaan. Begitupun ganjaran tetap menjadi motif filantropi Islam, kerana ia bermatlamatkan keredhaan Allah dan ganjarannya menjangkau aspek kebendaan dan kehidupan dunia..
- d- Filantropi moden unik kerana ia dibuat tanpa elemen paksaan, tetapi sukarela. Filantropi Islam juga memiliki keunikan tersendiri kerana ia digesa dalam beberapa lapisan yang saling mengukuhkan. Lapisan wajib sebagai asas yang menjadi tunas kepada bercambahnya keinginan melakukan yang sunat dan begitulah sebaliknya.
- e- Filantropi moden menjadikan kemaslahatan umum sebagai asas sumbangan. Sumbangan kemanusiaan yang bersangkutan kemaslahatan khusus di sesetengah komuniti disebut "*charity*". Filantropi Islam membabitkan kemaslahatan umum dan khusus. Umum atau khusus akan dirujuk kepada instrumen yang digunakan yang difahami melalui tindakan mahupun akad si penyumbang.
- f- Filantropi moden diurus secara terancang dan profesional menjadikan ia lebih lestari dan efektif. Begitupun instrumen waqaf dan konsep jariah mendekati implementasi secara lestari sebagaimana yang ditekankan dalam filantropi moden. Dalam masa sama adalah perlu difahami kelestarian dalam sudut pandang filantropi Islam adalah kelestarian abadi melangkaui kehidupan dunia.

Ringkasnya, di samping meraikan prinsip-prinsip ekonomi dan kewangan Islam, filantropi Islam perlu juga meraikan beberapa asas perkiraan ilmu Maqasid Shariah dalam implementasinya. Antara lain neraca kemaslahatan dan kemudaratannya, neraca *daruriyyat*,

hajiyah dan *tahsiniyyat*, neraca kemaslahatan umum dan khusus, neraca kelestarian dan segera, neraca keutamaan, neraca *fath* atau *sad al-zara'i* dan lain-lain lagi. Adalah tidak salah untuk filantropi Islam mengambil pengalaman peradaban barat moden, contohnya dari sudut keupayaan melestarikan sumbangan terhadap komuniti secara profesional dan sistematik. Ia memberi nilai tambah kepada nilai kelestarian yang ada pada akad wakaf dan konsep jariah.

Filantropi Islam: Sorotan Dari Sudut Hukum Taklifi

Fiqh dari sudut bahasa adalah pengetahuan dan kefahaman tentang sesuatu perkara (Ibn Manzur, 1993). Manakala dari sudut istilahnya iaitu pengetahuan tentang hukum syarak berhubung dengan perbuatan dan perkataan manusia yang diperoleh hasil usaha daripada dalil-dalil secara terperinci (Mustafa Al-Khin, 1992). Ruang lingkup fiqh adalah pada status nilai hukum-hukum Islam yang berupa peraturan mengandungi perintah, larangan atau pilihan seperti wajib, sunat, haram, makruh, dan harus (Al-Zuhaili, 1999).

Tumpuan perbahasan fiqh mencakup segala aspek kehidupan manusia, seperti sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Aspek kewangan dalam fiqh disebut sebagai muamalah manakala ekonomi dengan istilah iqtisad. Iqtisad atau ekonomi adalah cara bagaimana masyarakat – sama ada menggunakan duit atau tidak – dengan memilih sumber perolehan yang asing untuk memprosesnya bagi menghasilkan pelbagai barang, kemudian menyalurkan kepada individu dan komuniti dalam masyarakat sebagai kegunaan pada masa itu atau akan datang (Muhammad Al-Faysal, t.th).

Topik perbicaraan induk dalam fiqh adalah hukum perbuatan mukallaf dari sudut niat, cara mahupun impaknya. Hukum didefinisikan sebagai titah Allah berkait dengan perbuatan mukallaf samada dalam bentuk tuntutan, memberikan pilihan atau penetapan. Hukum syarak pula terbahagi kepada dua kategori. Hukum *taklifi* iaitu titah Allah berkait perbuatan mukallaf dalam bentuk tuntutan mahupun pilihan. Manakala hukum *wad'ie* pula adalah titah Allah berkait perbuatan mukallaf dalam bentuk penetapan sesuatu itu rukun, syarat atau sabab. Hukum taklifiy dibahagikan kepada wajib, sunat, harus, haram dan makruh. Justeru filantropi Islam sebagai salah satu perbuatan mukallaf tidak akan terlepas dari penilaian status hukum syarak. Setiap perbuatan mukallaf pada asasnya mempunyai hukum syarak tertentu. Begitupun ia boleh berubah berdasarkan indikator-indikator hukum *wad'ie* yang mencakupi rukun, syarat dan *sabab*. Di samping status hukum sesuatu perbuatan juga dipengaruhi oleh normal atau tidak sesuatu kondisi serta tahap keperluan kepada sesuatu sama ada *daruriyyat*,

hajiyyat dan *tahsiniyyat*. Ringkasnya status hukum sesuatu perkara boleh berubah mengikut perubahan masa dan tempat.

Dalam kajian ini, persoalan terpenting yang menjadi fokus perbahasan adalah hukum *taklifi* terhadap sesuatu amalan kebajikan yang berkaitan dengan filantropi itu adakah hanya merangkumi sesuatu yang bersifat sukarela semata-mata atau turut merangkumi yang wajib. Sebelum ini dijawab, adalah elok dibuat sorotan ringkas terhadap tiga persoalan berikut :

- a- Adakah filantropi itu merangkumi aspek sumbangan harta dan tenaga atau harta sahaja?
- b- Adakah filantropi semestinya untuk kemaslahatan umum sahaja atau turut merangkumi sumbangan yang bersifat khusus?
- c- Adakah menjadi satu kemestian sesuatu sumbangan dalam filantropi itu bersifat manfaat jangka panjang atau tidak?

Persoalan-persoalan ini penting untuk dirungkai dalam usaha menstruktur semula instrumen-instrumen filantropi dalam Islam yang setiap satunya mempunyai hakikat dan fungsi tersendiri berdasarkan karektor tindakan (*tasarruf*), akad, rukun dan syarat. Setiap instrumen filantropi sama ada wakaf, derma dan sebagainya mempunyai definisi dan fungsi tersendiri. Apatah lagi dalam Syariat Islam, elemen niat adalah teramat penting diperhitungkan kerana ia adalah asas kepada penerimaan sesuatu amalan diterima mahupun ditolak. Dalam masa yang sama adalah penting disedari bahawa instrumen-instrumen ini adalah saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Memahami aspek-aspek ini amat penting dalam usaha mengetahui keutamaan dalam amal kebajikan mahupun filantropi.

Pertama: Dalam syariat Islam setiap amalan baik dikira sebagai sedekah yang dijanjikan pahala. Tidak kiralah ia berbentuk sumbangan harta mahupun tenaga, hatta senyuman yang terukir sekalipun dianggap sedekah. Begitupun pemerhatian singkat menunjukkan bahawa sumbangan tenaga biasanya disebut kesukarelawanan mendekati istilah *tatawwu'* dan *ta'awun*. Sumbangan harta pula disebut kedermawanan merangkumi infak, sedekah, wakaf, *tabarru'* dan lain-lain. Justeru perkataan kebaktian dilihat sesuai digunakan demi merangkumi kedua-dua bentuk sumbangan. Mungkin suatu batas yang dapat diletakkan kepada kebaktian ini adalah ia tidak melibatkan sumbangan untuk diri sendiri dan mereka yang dibawah tanggungjawab mereka. Dalam konteks filantropi barat, cakupan makna perkataan asal adalah merangkumi sumbangan harta dan tenaga. Dalam konteks amalan pula, ia biasanya digunakan untuk sumbangan berbentuk harta. Ini tidak menafikan bahawa kesukarelawanan adalah sebagai satu juzuk dari filantropi.

Kedua: Sumbangan terhadap orang lain sama ada melibatkan manfaat khas atau umum adalah diakui suatu yang baik dalam filantropi moden mahupun Islam, Begitupun dalam banyak keadaan, penggunaan perkataan filantropi dalam konteks ekonomi moden digunakan untuk menunjukkan sumbangan untuk kemaslahatan umum. Manakala ‘*charity*’ biasanya melibatkan sumbanga melibatkana maslahat khas. Begitupun pembezaan ini dilihat tidak terlalu ditekankan dalam amalan keseluruhannya. Hal ini kelihatan hampir sama denga penggunaan istilah amal kebajikan dalam masyarakat Islam.

Ketiga: Filantropi barat yang menekankan aspek kelestarian manfaat. Ia biasanya menekankan aspek profesionalisme, perancangan dan manfaat yang berpanjangan sebagaimana yang ada pada akad waqaf dan amal baik yang disebut *jaariyah*. Hal ini sepintas lalu adalah tidak secucuk dengan akad tabarru’at yang bersifat segera dan manfaatnya berjangka pendek. Justeru kedermawanan Islam perlu memberi perhatian yang khusus kepada aspek kelestarian manfaat sesuatu sumbangan yang memerlukan aspek pengurusan secara profesionalisme dan bereperancangan.

Perbincangan di atas menunjukkan bahwa ketiga-tiga ciri tidaklah perlu dijadikan asas dalam menentukan sesutua sumbangan itu boleh disebut sebagai filantropi atau tidak. Begitupun ia perlu ditekankan dalam amalan filantropi demi meluaskan dan melestarikan manfaat kegiatan filantropi. Dalam masa yang sama perbincangan ini menunjukkan bahawa filantropi adalah sinonim dengan apa yang disebut dengan istilah kerja-kerja amal kebajikan di negara kita yang tentunya tidak bercanggah dengan prinsip dana pengamalan dalam tradisi fiqh Islam. Meskipun begitu apabila jika filantropi dibahasakan sebagai kebaktian atau kedermawanan, perbincangan akan lebih menarik jika diukur dri aspek hukum taklifi. Ini kerana pemerhatian terhadap keduanya mendapati bahawa ia melangkaui ciri sukarela itu sendiri. Justeru untuk perbincangan seterusnya perkataan kedermawanan akan dianggap sebagai sinonim dengan perkataan filantropi yang membataskan filantropi kepada sumbangan berbentuk harta.

Filantropi mahupun kedermawanan Islam hakikatnya tidak dibataskan kepada sesuatu amalan kebajikan yang bersifat sukarela. Ini kerana elemen kemestian (*ilzam*) yang wujud dalam instrumen kedermawanan yang berstatus wajib seperti zakat, *kaffarah*, *dam* dan *diyat* hanyalah dari sudut perundangan fiqh sahaja. Begitupun dalam kerangka “*world view*” seseorang muslim yang baik ia perlu melakukan setiap amalan secara ‘*ihsan*’. Dengan kata lain seorang muslim diperintah menunaikannya secara suka rela dan baik hati dengan akur rasa kehambaan kepada Allah dan syukur atas kurniaan Allah S.W.T. Aspek inilah –pada hemat penulis- tidak terdapat dalam konteks filantropi moden yang diamalkan di barat. Ini

mungkin rasa kesukarelaan itu hanya dikaitkan dengan kasih sayang kemanusiaan. Sebaliknya dalam Islam kasih sayang dan kemanusiaan sentiasa dilihat sebagai satu tuntutan beragama. Aspek berbuat baik sesama manusia bahkan sesama makhluk selamanya tidak dipisahkan dari aspek usaha mencapai keredhaan Allah.

Impak dari tasawwur inilah dipertegaskan filantropi Islam adalah melangkaui hukum wajib. Ia adalah tuntutan syarak yang melibatkan status hukum wajib dan sunat dalam kondisi khusus (ainiy) dan normal. Meskipun begitu dalam kontek umum (kifayah) dan keperluan tertentu yang sunat pun akan berubah menjadi wajib. Di samping itu ada juga instrumen kebajikan ini adalah berbentuk hukuman dan sumbangan yang dikhususkan kepada golongan yang memerlukan.

a. **Wajib:**

Wajib didefinisikan sebagai: Apa yang dituntut syarak melakukannya dalam bentuk kemestian. Maka yang melakukannya akan dipuji dan diberi pahala, manakala yang meninggalkannya akan berdosa dan diazab.

Filantropi wajib merangkumi aspek-aspek berikut:

- i. Apa yang mesti dilakukan sebagai asas pertanggungjawaban ke atas setiap mukallaf seperti zakat. Asnaf penerima telah ditetapkan menurut syarak dengan keutaman-keutaman tertentu.
- ii. Apa yang wajib dilakukan oleh individu mahupun komuniti sebagai respon kepada tanggungjawab manusiawi demi memenuhi keperluan asas (*daruriyyat*) individu mahupun komuniti lain, apabila tiada pihak lain yang membantu. [Begitu juga dalam keadaan bantuan pihak lain adalah tidak mencukupi. Ini merangkumi semua bentuk sumbangan yang berbentuk sunat pada asalnya seperti sedekah, hibah, wasiat, derma dan lain. Dalam contoh semasa bantuan terhadap komuniti-komuniti yang memerlukan seperti di Syria, Iraq, Filipina, Myanmar dan lain-lain sama ada sesama Muslim atau kepada non-Muslim.
- iii. Apa yang wajib dilakukan oleh individu mahupun kelompok sebagai hukuman terhadap kesalahan syarak. Ia merangkumi kaffarah, dam dan diyat yang diberikan kepada golongan yang sudah ditentukan ciri-cirinya menurut syarak

b. Sunat

Sunat adalah sesuatu yang lebih digalakkan syarak melakukannya. Maka yang melakukannya adalah dipuji dan diberi pahala, manakala yang meninggalkannya tidak dikeji dan tidak diazab.

Filantropi Sunat :

- i. Pada asasnya filantropi Islam dalam kondisi normal banyak melibatkan instrumen sunat sebagaimana dalam filantropi moden. Ia termasuk *tabarru'*, wakaf, hibah, wasiat, sedekah dan sebagainya.

Instrumen-instrumen filantropi sunat ini boleh berubah hukumnya menjadi wajib apabila ada kondisi-kondisi mendesak yang menyebabkan bantuan dan sumbangan mesti dibuat demi memastikan keperluan darurat pihak berkeperluan. Sebagai contoh instrument *wasiyyat al-wajibah* yang diwajibkan kepada seorang datuk demi memastikan kemaslahatan cucu yang kematian bapa (anak kepada datuk). Perkiraan kemaslahatan yang melibatkan tahap-tahap keperluan kepada bantuan dan pertolongan.

Penutup

Filantropi adalah suatu konsep yang amat penting dalam realiti ekonomi kini dan realiti mana-man sistem ekonomi termasuk sistem ekonomi Islam. Dalam konteks mengetengahkan semula filantropi mengikut acuan perundangan Islam beberapa kesimpulan asas tulisan ini adalah seperti berikut:

- a. Perkataan filantropi bukanlah berasal daripada peradaban fiqh Islam. Begitupun konsepnya amat bertepatan dengan prinsip-prinsip fiqh dan ekonomi Islam
- b. Filantropi dalam konteks ekonomi Islam hanyalah bertahap satu konsep bukannya satu instrumen khusus yang mempunyai definisi dan garis panduan yang ketat. Dalam konteks fiqh Islam istilah yang paling mendekati adalah *tabarru'*. Walau bagaimanapun peristilah bukanlah terlalu penting untuk dibincangkan kerana dari sudut amalan kontemporari ia mungkin berbeza berdasarkan keadaan setempat.
- c. Antara keistimewaan terpenting filantropi moden adalah aspek profesionalisme pengurusan dan kelestarian manfaat. Hal ini amatlah perlu diadaptasi dalam memperkukuhkan filantropi Islam agar lebih mempunyai dampak yang besar bersesuaian dengan konsep *jariah*.

- d. Filantropi Islam juga agak istimewa kerana ia mempunyai banyai instrument dalam bentuk tindakan (*tasarruf*) dan akad yang mempunyai garis panduan operasi yang melibatkan rukun dan syarat.
- e. Antara keistimewaan filantropi Islam adalah ia boleh digerakkan oleh dorongan rasa kasih sayang kemanusiaan tetapi matlamat terakhir adalah mencapai keredhaan Allah SWT. Dalam konteks yang lain hal ini menampakkan dominannya naluri rasa bertuhan walaupun dalam alam kebendaaan.
- f. Filantropi Islam juga agak luas memandangkan ia tidak hanya merangkumi sumbangan atas dasar sukarela tetapi yang wajib juga. Ini kerana elemen paksaan dalam wajib juga perlu disertakan dengan prinsip ihsan kerana ia dibuat dengan rasa keakuran yang mutlak dan kesyukuran terhadap Maha Pencipta.

Penghargaan

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penjara Marang dan Universiti Sultan Zainal Abidin di atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim.

Abi al-Husain, Muslim bin al-Hajjaj. (2003). Sahih Muslim. Sidqi Jamil al-‘Attar (Ed.). Beirut: Dar El-Fikr.

Alterman, Jon B. dan Hunter, Shireen (2004). The Idea of Philanthropy in Muslim Contexts. Disediakan untuk USAID (United States Agency International Development). Washington: The Center for Strategic and International Studies.

Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad bin Ismail. (1998). Sahih al-Bukhari. Muhammad bin Soleh al-Barjahi et.AL.(Ed.). Riyadh: Baitul Afkar.

Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman & Mohd Shahril Othman (2015) Streghtening Drug Rehabilitation Centres Through Zakah Fund. *International Journal of Academic Research and Social Sciences*. Vol 7(8).

Al-Fāṣī, cAllāl (1995), Al-Maqāʿid al-Sharīcah al-Islāmiyyah wa MakārimUhā, t.tp : Dār al-cArab al-Islāmī.

- Ghassan Mahmud Ibrahim et al.(2002), *al-Iqtisad al-Islamiy ‘Ilm am Wahm*, Dimasq: Dar al-Fikr, ed. 1.
- Al-Ghazalī, *Al-Mustaġfā min cilm al-Uġġl wa bi dhaylihī Fawātiġ al-Raġmūt bi Sharġ Muslim al-Thubūt fi Uġl Fiqh*, .
- Al-Haitami, Nur al-Din Ali bin Abi Bakr (1414). *Majma’ al-Zawa’id wa Manba’ al-Fawa’id*. Cairo: Maktabah al-Qudsi.
- <http://www.brensimon.com/difference-between-charity-and-philanthropy/> diakses 13 September 2017.
- <https://www.merriam-webster.com/dictionary/philanthropy> diakses pada 13 september 2017.
- Ibn cĀshūr, Muhammad al-Ġāhir (1998), *Maqāġid al-Sharġah al-Islāmiyyah*, tahq. \ Muhammad al-Ġāhir al-Misāwī, t.tp : Al-Baġā’ir li al-Intāġ al-cġlmī.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram (1993), *Lisan al-‘Arab*, Bayrut: Dar al-Sadir, ed.
- Ibn Qayyim al-Jawzīyah, Muhammad bin Abi Bakr (1955) *Majmūc al-Fatāwā Ibn al-Qayyim*, Beirut : Dār al-Fikr.
- Ilchman, Warren F., Stanley N. Katz, dan Edward L. Queen II (ed.). (2006). *Philanthropy In the World Traditions (Filantropi di Berbagai Tradisi Dunia)*, Jakarta: Center for the Study of Religion and Culture (CSRC).
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa al-Khin et al.(1992), *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhhab al-Imam al-Shafi’i*, Dimasq: Dar al-Qalam,
- Khin, Dr Musġafa Sacīd (1984), *Dirāsah Tārġhiyyah li al-Fiqh al-Islāmī wa Uġluluḡ*, c.1, Dimashq : al-Sharikah al-Muttahidah li al-Tawzīc, h. 9. Al-
- Klein, Kim. (2001). *Fundraising for Social Change*, Fourth Edition, Oakland California: Chardon Press.
- Matthew Smith (2014). *The Difference Between Charity and Philanthropy*. Dicapai daripada carian di <https://www.linkedin.com/pulse/20140411163627-9623993-the-difference-between-charity-and-philanthropy> diakses pada 14 September 2017.
- Al-Mawasu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah (2004). Kuwayt : Wizarat al-Awqaf w al-Shu’un al-Islamiyyah.
- McCully, George (2008). *Philanthropy Reconsidered : Private Initiatives - Public Good - Quality of Life*. Bloomington: AuthorHouse.
- Muhammad al-Faysal (t.th), *al-Ta’rif al-Istilahiy li ‘Ilm al-Iqtisad al-Islamiy*, t.tp.: al-Ittihad al-Dawliy li al-Bunuk al-Islamiyyah.

Muhammad al-Faysal, al-Ta'rif al-Istilahiy li 'Ilm al-Iqtisad al-Islamiy, t.tp.: al-Ittihad al-Dawliyy li al-Bunuk al-Islamiyyah.

Olivia Tournay Flatto (2015). The Case Of Philanthropy: Bringing Scientists And Philanthropic Donors Together, For Good. Dicapai daripada carian di <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4582109/>

Razali bin Othman. (2017). Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam. Dibentangkan di Seminar Filantropi Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Robert H. Bremner(1960). American Philanthropy (Edisi Kedua 1988). Daniel J. Boorstin (Ed.). Chicago: University of Chicago Press.

Robert L. Payton. Philanthropy: Voluntary Action for the Public Good (1988). Michigan: American Council on Education/Macmillan Publishing Company.

The Melvin and Bren Simon Foundation (2015). Is There A Difference Between Charity and Philanthropy?. Dicapai daripada carian di <http://www.brensimon.com/difference-between-charity-and-philanthropy/> diakses 13 September 2017.

Al-Zubaydi, Muhammad bin Muhammad (t.th), Taj al-'Urus min Jawahir al-Qamus, al-Iskandariyyah: Dar al-Hidayah, t.th.

Zuhaili, Wahbah(1985). Fiqh Islami wa Adillatuhu. Beirut: Dar al-Fikr.

Zuhayliy, Wahbah,(1999), al-Wajiz fi Usul al-Fiqh, Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1999, ed.1.

Wan Mohd Yusof Wan Chik & Abdul Karim Ali (2015) Konsep al-Ta'ābudiyyah dan Kepentingannya dalam Hukum Islam Semasa dalam Jurnal Usuluddin, Petaling Jaya : Penerbit Universiti Malaya Dicapai daripada carian di [http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/7613/Jurnal.Usuluddin.41.20 15-02.Yusof.Taabudi.pdf](http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/7613/Jurnal.Usuluddin.41.20%2015-02.Yusof.Taabudi.pdf)